

SURAT PELAWAAN SEBUTHARGA KERJA

NO. RUJUKAN FAIL : UKM (S) JPP/322/5/2/7/2017

TARIKH : 14 JULAI 2017

NO. SEBUTHARGA : UKM/JPP/A/SH-41/2017

TAJUK : CADANGAN MENAIKTARAF RUANG 'SPACE LAB/TOP STEAM LAB' DI BANGUNAN AUDITORIUM PUSAT PERMATApintar NEGARA SEDIADA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran kerja berikut:-

SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH, TEMPAT DAN WAKTU LAWATAN TAPAK	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
LPIPM/CIDB Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B04 ATAU B28	RM 30.00	27 JULAI 2017 JAM 10.00 PAGI BILIK MESYUARAT ARAS 3, PRASARANA-UKM	27 JULAI 2017 - 4 OGOS 2017	10 OGOS 2017

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah diwajibkan dan perlu dihadiri oleh **PEGAWAI YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN LPIPM/CIDB SAHAJA**. Untuk maksud ini, sila bawa **dokumen asal dan satu (1) salinan sijil LPIPM/CIDB dan dokumen pengenalan diri** semasa menghadiri lawatan tapak. **WAKIL – WAKIL KONTRAKTOR TIDAK DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK. HANYA KONTRAKTOR YANG MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SAHAJA LAYAK MEMBELI DOKUMEN SEBUTHARGA.**

2. Dokumen sebutharga dijual dalam bentuk **“Soft copy”** secara **“Pen drive”** dengan harga seperti yang dinyatakan di atas Bayaran dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Kiriman Wang** di atas nama **Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia** pada tarikh dan waktu berikut sahaja :

Waktu :	Isnin – Khamis	8.15 pagi – 12.30 tengah hari 2.15 petang – 4.30 petang
	Jumaat	8.15 pagi – 11.45 pagi 3.00 petang – 4.30 petang

3. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera** dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebutharga. Jika tidak dapat hadir sendiri, wakil kontraktor hendaklah membawa surat pengesahan sebagai wakil yang ditauliahkan.

4. Dokumen Sebutharga yang sempurna diisi termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga di Prasarana-UKM**, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan sebelum jam **12.00 tengah hari**.



MOHD FAIZAL ABDUL RAHIM
Ketua Unit Ukur Bahan
Prasarana - UKM
Universiti Kebangsaan Malaysia